

Guan Eng, EXCO tidak sehaluan isu banjir kilat

➔ Kon Yeow akui kegagalan mitigasi bah bukan silap JPS

Oleh M Hifzuddin Ikhsan, Siti Fatimah Mohamed Anwar, Muhammad Yusri Muzamir, Fatin Fazlina Yaacob dan Muhammad Suhaib Mohd Shapiee
bhnews@bh.com.my

► Georgetown

Kepemimpinan Kerajaan DAP Pulau Pinang dilihat tidak sehaluan dalam isu banjir kilat yang kerap melanda negeri ini.

Isa susulan kenyataan bertentangan berhubung kegagalan pelaksanaan projek mitigasi banjir di Taman Lumba Kuda di sini, yang diumumkan Ketua Menteri, Lim Guan Eng dan EXCO Kerajaan Tempatan, Tebatan Banjir dan Lalu Lintas negeri, Chow Kon Yeow.

Kon Yeow berkata, kegagalan pelaksanaan projek mitigasi banjir di Taman Lumba Kuda bukan berpunca daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, sebaliknya keputusan menangguh pelaksanaan projek itu dimuktamadkan kerajaan negeri ekoran faktor teknikal.

Kos pelaksanaan RM4 juta

“Projek ini (projek mitigasi di Taman Lumba Kuda) bersangkut paut dengan pelan mitigasi banjir di lembangan Sungai Pinang kerana parit monsun yang dibina di kawasan berkenaan akan menyalurkan air ke Sungai Air Itam, sekali gus mengalir ke Sungai Pinang.

“Ia membabitkan kos pelaksanaan lebih RM4 juta dan kerana beberapa faktor teknikal kita (kerajaan negeri) beranggapan ia perlu ditangguhkan hingga projek di Sungai Pinang dijalankan,” katanya pada sidang media

di sini, semalam.

Bagaimanapun, Guan Eng, kelmarin, menuding jari kepada JPS negeri sebagai punca banjir kilat yang kerap melanda negeri ini kerana didapati tidak dapat menyiapkan semua projek mitigasi hingga ada yang tergendala selama empat tahun.

Beliau mendakwa, kegagalan JPS negeri merangka pelan mitigasi banjir dengan segera juga muncul sebagai punca bencana itu berulang, selain keadaan diburukkan apabila Pulau Pinang menerima taburan hujan tinggi berikutan perubahan cuaca yang tidak menentu.

Bidas Kerajaan DAP

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO negeri, Rafizal Abd Rahim, membidas pentadbiran Kerajaan DAP Pulau Pinang, selain menyifatkan isu banjir kilat boleh dijadikan penanda aras kepemimpinan Guan Eng sebagai Ketua Menteri.

Katanya, Guan Eng sering mendadak dada dan mendakwa kononnya DAP mentadbir Pulau Pinang jauh lebih baik berbanding Barisan Nasional (BN), selain berterusan menuding jari kepada pihak lain, apabila isu banjir kilat semakin meruncing di negeri ini.

“Sebelum ini Guan Eng cuba salahkan Kerajaan Pusat kerana tak meluluskan dana RM350 juta bagi projek tebatan banjir Sungai Pinang, kini JPS pula dikatakan menjadi punca banjir kilat di negeri ini.

“Ketika BN menjadi kerajaan negeri, masalah banjir hanyalah masalah sampingan tetapi kini Pulau Pinang boleh ‘berbangga’ dengan gelaran ‘Negeri Darul Banjir,’” katanya.



Untuk video

layari www.bharian.com.my